



KERAJAAN MALAYSIA

**Pungutan Hasil Dan Terimaan Bukan Hasil
Melalui Perbankan Internet Dan Mudah Alih**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

e-PAYMENT.....	2
PS 2.3/2013 Pungutan Hasil Dan Terimaan Bukan Hasil Melalui Perbankan Internet Dan Mudah Alih.....	2
1. Tujuan	2
2. Pungutan Hasil Dan Terimaan Bukan Hasil Melalui Perbankan Internet Dan Mudah Alih	2
3. Kadar Caj Perkhidmatan Secara Perbankan Internet Dan Mudah Alih	2
4. Perakaunan Pungutan Hasil Dan Terimaan Bukan Hasil Melalui Perbankan Internet Dan Mudah Alih	3
5. Akuan Pembayaran	3
6. Perjanjian.....	3

e-PAYMENT**PS 2.3/2013 Pungutan Hasil Dan Terimaan Bukan Hasil Melalui
Perbankan Internet Dan Mudah Alih****1. Tujuan**

- 1.1 Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk menerangkan peraturan dan pelaksanaan pungutan hasil dan terimaan bukan hasil melalui perbankan internet dan mudah alih.
- 1.2 Perbankan internet merupakan pembayaran melalui portal bank bagi urusan Kerajaan. Perbankan mudah alih merupakan pembayaran melalui bank bagi urusan Kerajaan dengan menggunakan telefon mudah alih.

**2. Pungutan Hasil Dan Terimaan Bukan Hasil Melalui Perbankan Internet
Dan Mudah Alih**

- 2.1 Bagi pungutan hasil, pembayaran boleh dibuat melalui *direct debit*, Kad Kredit (MasterCard dan VISA) dan Kad American Express (Amex). Manakala bagi terimaan bukan hasil, kaedah pembayaran secara *direct debit* sahaja yang dibenarkan.

3. Kadar Caj Perkhidmatan Secara Perbankan Internet Dan Mudah Alih

- 3.1 Perbendaharaan Malaysia telah memutuskan caj perkhidmatan untuk pungutan hasil akan ditanggung oleh Kementerian atau Jabatan. Manakala caj perkhidmatan untuk terimaan bukan hasil seperti pembayaran balik pinjaman perlu dibiayai oleh orang awam
- 3.2 Bagi melaksanakan kaedah ini, kadar caj perkhidmatan untuk *direct debit* adalah tidak melebihi RM0.50 bagi setiap transaksi individu dan tidak melebihi RM1.00 bagi setiap transaksi entiti perniagaan.
- 3.3 Kadar caj perkhidmatan untuk Kad Kredit dan Kad Amex adalah tidak melebihi 1.8% bagi setiap transaksi.
- 3.4 Selain daripada caj perkhidmatan tersebut di atas, tiada caj lain boleh dikenakan oleh pihak bank.

4. Perakaunan Pungutan Hasil Dan Terimaan Bukan Hasil Melalui Perbankan Internet Dan Mudah Alih

- 4.1 Bagi pungutan hasil, pihak bank boleh menolak caj perkhidmatan daripada amaun kasar yang dipungut dan menyerahkan amaun bersih kepada Kementerian atau Jabatan. Walau bagaimanapun, Kementerian atau Jabatan perlu mengakaunkan amaun kasar yang dipungut sebagai hasil dan jumlah caj perkhidmatan sebagai perbelanjaan.
- 4.2 Bagi terimaan bukan hasil, bank perlu menyerahkan kepada Kementerian atau Jabatan, amaun kasar yang dipungut tidak termasuk caj perkhidmatan yang dibiayai oleh orang awam.
- 4.3 Pekeliling Tatacara Perakaunan berkenaan perakaunan pungutan hasil dan terimaan bukan hasil melalui perbankan internet hendaklah juga dirujuk.
- 4.4 Kementerian atau Jabatan hendaklah bertanggungjawab memastikan bahawa peruntukan adalah mencukupi untuk mengakaunkan bayaran caj perkhidmatan. Sekiranya peruntukan bagi bayaran caj perkhidmatan tidak mencukupi, pelarasan perlu dibuat.

5. Akuan Pembayaran

- 5.1 Akuan pembayaran melalui perbankan internet yang dicetak dari paparan portal bank dan nombor rujukan akuan pembayaran melalui perbankan mudah alih boleh dianggap sebagai bukti transaksi pembayaran.

6. Perjanjian

- 6.1 Tertakluk kepada peraturan di bawah pekeliling ini, format perjanjian yang disediakan oleh pihak bank boleh diguna pakai bagi pelaksanaan pungutan ini.